

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL. 2/2021**

=====

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI TINDAKAN
PENGUATKUASAAN PELANGGARAN SYARAT TANAH DI BAWAH
SEKSYEN 127 HINGGA 129 DAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH
SEKSYEN 130 KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengenai Prosedur Operasi Standard (*SOP*) Bagi Tindakan Penguatkuasaan Pelanggaran Syarat Di Bawah Seksyen 127 hingga 129 dan Pelucuthakan di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (Akta 828) (KTN) (selepas ini dirujuk sebagai "*SOP*").


2. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor yang telah diadakan pada 22 Mac 2021 bersetuju supaya *SOP* ini diwujudkan untuk keseragaman dalam tindakan penguatkuasaan. Mesyuarat juga bersetuju supaya *SOP* ini disediakan oleh pihak Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan).

3. *SOP* ini diwujudkan bertujuan untuk memperincikan penyeragaman proses kerja yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada semua pegawai dan kakitangan di pentadbiran tanah dalam memastikan keseragaman dalam tindakan penguatkuasaan bagi pelanggaran syarat di

Fail : (10)dlm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

bawah seksyen 127 hingga seksyen 129 dan Pelucuthakan di bawah seksyen 130 KTN.

4. Arahan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta mengikut tarikh Arahan ini dikeluarkan dan PTD adalah diarahkan untuk mematuhi keputusan yang telah ditetapkan..


(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.
Tarikh : 16 Ogos 2011



PROSEDUR OPERASI STANDARD
(SOP) BAGI TINDAKAN
PENGUATKUASAAN PELANGGARAN
SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 127
HINGGA SEKSYEN 129 DAN
PELUCUTHAKAN DI BAWAH SEKSYEN
130 KANUN TANAH NEGARA 1965
(KTN)

Prakata

Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dapat menerbitkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Tindakan Penguatkuasaan Pelanggaran Syarat Di Bawah Seksyen 127 hingga 129 dan Pelucuthakan Dibawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).

SOP ini diterbitkan untuk menjelaskan kepada semua pegawai dan kakitangan di pentadbiran tanah berhubung tatacara kerja yang perlu dipatuhi dalam tindakan penguatkuasaan bagi pelanggaran syarat di bawah peruntukan seksyen 127 hingga 129 dan Pelucuthakan DI bawah Seksyen 130 KTN.

Justeru itu, dengan adanya SOP ini diharap dapat membantu semua pegawai dan kakitangan di pentadbiran tanah dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memastikan keseragaman proses kerja dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada dengan tepat, cekap, teratur dan berkualiti sejajar dengan moto PTGS “Perkhidmatan Cemerlang Kualiti Diutamakan”.

Terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Yusri Bin Zakariah'. The signature is fluid and cursive, with a large initial 'Y'.

(YUSRI BIN ZAKARIAH)
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI TINDAKAN PENGUATKUASAAN PELANGGARAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 127 HINGGA 129 DAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH SEKSYEN 130 KTN 1965	6
1.0 TUJUAN	6
2.0 LATARBELAKANG	6
3.0 TATACARA PENGELUARAN NOTIS-NOTIS DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 127-130 KTN.	7
3.1 PERATURAN PENTADBIRAN	7
3.2 PROSES KERJA	8-9
CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN PELANGGARAN DI BAWAH KTN	10
3.3 SOP TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 127 KTN	11 - 16
CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 127 KTN	17-18
3.4 SOP TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN	19-22
CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN	23
3.5 SOP TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 129 129 DAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH SEKSYEN 130 KTN	24-29
CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 129 129 DAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH SEKSYEN 130 KTN	30
LAMPIRAN A - H	31-61

SINGKATAN

DHD	-	Dokumen Daftaran Hak milik
KPPD	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah
KTN	-	Kanun Tanah Negara, 1965
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PN	-	Penghantar Notis
PPD	-	Penolong Pegawai Daerah
PPT	-	Penolong Pegawai Tanah
PPTK	-	Penolong Pegawai Tanah Kanan
PT	-	Pembantu Tadbir
PTD	-	Pentadbir Tanah Daerah
SELIS	-	<i>Selangor Land Information System</i>
SISMAP	-	Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor
SPHT	-	Sistem Pengurusan Hasil Tanah
SPTB	-	Sistem Pengurusan Tanah Bersepadu

LAMPIRAN

- Lampiran A - Laporan Penolong Pegawai Tanah
- Lampiran B - Notis Dalam Borang 7E (Pelanggaran Syarat : Notis Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda)
- Lampiran C - SOP Kaedah Penyampaian Notis
- Lampiran D - Format Siasatan
- Lampiran E - Notis Dalam Borang 7A (Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat)
- Lampiran F - Notis Dalam Borang 7F (Pelanggaran Syarat Yang Berterusan : Notis Mengenai Niat Untuk Memastikan Remedi Pelanggaran Atau Menguatkuasakan Pelucuthakan Tanah)
- Lampiran G - Notis Dalam Borang 7B (Pelanggaran Syarat : Notis Supaya Menunjukkan Sebab)
- Lampiran H - Notis Dalam Borang 8A (Notis Per kembalian Tanah Kepada Kerajaan)

- ❖ Sebarang penyampaian Notis Berkanun yang telah siap ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa akan diserahkan kepada pemilik berdaftar tanah. Namun sekiranya pemilik berdaftar tanah tidak dapat dikesan, tindakan penyampaian gantian bagi notis perlu dibuat merujuk seksyen 432 KTN setelah carian di Jabatan Pendaftaran Negara dibuat.

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI TINDAKAN PENGUATKUASAAN PELANGGARAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 127 HINGGA SEKSYEN 129 DAN PELUCUTHAKAN DI BAWAH SEKSYEN 130 KTN

1.0 Tujuan

SOP ini menjelaskan kaedah tindakan penguatkuasaan Pelanggaran Syarat di Bawah Seksyen 127 Hingga 129 KTN dan Pelucuthakan di bawah seksyen 130 KTN selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 2 Tahun 2019: Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor.

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Berikutan terdapat banyak isu pelanggaran syarat di Negeri Selangor, satu SOP tindakan penguatkuasaan perlu diwujudkan untuk keseragaman dan digunakan oleh semua Pejabat Tanah Daerah seluruh Negeri Selangor.
- 2.2 Kesenambungan daripada itu, satu kertas cadangan berkaitan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor telah diangkat dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 25/2019 pada 28 Ogos 2019.

3.0 TATACARA PENGELUARAN NOTIS-NOTIS DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 127-129 KTN.

3.1. Peraturan Pentadbiran

- a) Semakan ke atas data bancian/aduan/rondaan hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum apa-apa notis dikeluarkan;
- b) Hanya pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN sahaja yang dibenarkan menandatangani notis-notis di bawah peruntukan perundangan pelanggaran syarat; dan
- c) Kaedah penyampaian notis-notis di bawah peruntukan perundangan pelanggaran syarat hendaklah selaras dengan peruntukan seksyen 431 hingga 433 KTN.


3.2 Proses Kerja

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
1.	TERIMA ADUAN	<p>1.1 Pastikan maklumat yang diterima adalah lengkap.</p> <p>1.2 Setiap maklumat hendaklah direkod dan didaftarkan.</p> <p>1.3 Suatu siasatan hendaklah dijalankan oleh PPT berkaitan pelanggaran syarat tersebut.</p>	PT/PPT/PPD/ KPPD/PTD	
2.	BUKA FAIL	<p>2.1 Setiap aduan yang diterima hendaklah dibuka fail.</p> <p>2.2 Hantar kepada pegawai untuk semakan dan diminitkan.</p> <p>2.3 PPD hendaklah mendapatkan arahan selanjutnya daripada PTD/KPPD.</p>	PTD/KPPD/ PPD/ PT	
3.	SIASATAN/ LAPORAN	<p>3.1. Lawatan tapak oleh PPT.</p> <p>3.2. Laporan PPT hendaklah disediakan dan diserahkan kepada KPPD/PPD/PPTK sebelum apa-apa notis dikeluarkan.</p> <p>3.3. Laporan PPT mengikut format seperti di Lampiran A.</p> <p>Lampiran A – Format Laporan Penolong Pegawai Tanah</p> <p>3.4. PPD hendaklah mendapatkan arahan selanjutnya daripada PTD/KPPD.</p>	KPPD/PPD/ PPTK/PPT	SELIS, SPHT, SPTB DAN SISMAP
4.	ARAHAN/ TINDAKAN	<p>4.1. Sekiranya PTD/KPPD berpuas hati bahawa satu pelanggaran syarat telah berlaku, PTD/KPPD hendaklah mengeluarkan arahan kepada PPD untuk mengambil tindakan selanjutnya di bawah;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Seksyen 127 KTN ii. Seksyen 128 KTN iii. Seksyen 129 KTN <p>4.2. Jika tiada kesalahan langgar syarat, kes ditutup.</p> <p>4.3. Jika pemilik tanah berdaftar</p>	PTD/KPPD/ PPD	seksyen 127(1A)(a) KTN

Fail : (10)dIm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		telah membuat permohonan tukar syarat, kes ditangguhkan sehingga mendapat keputusan.		

CARTA ALIR TATACARA PENGELUARAN NOTIS-NOTIS DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 127-130 KTN.



3.3 TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 127 KTN

3.3.1. Objektif

Bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengeluaran notis borang 7E dan 7F di bawah peruntukan seksyen 127 KTN.

3.3.2. Skop

SOP ini merangkumi tatacara yang boleh digunapakai oleh pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan tindakan di bawah seksyen 127 KTN selaras dengan undang-undang yang ada.

3.3.3. Peraturan Pentadbiran

- a) Semakan ke atas data bancian/aduan/rondaan hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum apa-apa notis dikeluarkan;
- b) Hanya pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN sahaja yang dibenarkan menandatangani notis dalam borang 7E dan 7F; dan
- c) Kaedah penyampaian notis dalam borang 7E dan 7F hendaklah selaras dengan peruntukan seksyen 431 hingga 433 KTN.

3.3.4. Proses Kerja

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
1.	NOTIS DALAM BORANG 7E	<p>1.1 Notis dalam borang 7E yang telah lengkap disediakan hendaklah ditandatangani oleh PTD.</p> <p>Lampiran B – Notis Dalam Borang 7E</p> <p>1.2 Suatu tempoh notis dalam borang 7E hendaklah diberikan dalam satu tempoh yang munasabah (maksimum 30 hari).</p>	PT/PPT/PPD/K PPD/PTD	
2.	PENYAMPAIAN NOTIS	<p>2.1 Notis dalam Borang 7E yang telah ditandatangani hendaklah diserahkan oleh Penghantar Notis/PPT/ Pembantu Penguatkuasa kepada pemilik berdaftar tanah. Catatan bukti penyampaian notis perlu dikemukakan sebagai bukti penyampaian.</p> <p>2.2 Penyampaian notis merujuk kepada SOP kaedah penyampaian notis seperti di Lampiran C.</p> <p>Lampiran C – SOP Kaedah Penyampaian Notis</p>	Penghantar Notis/PPT/ Pembantu Penguatkuasa	seksyen 431 – 433 KTN


BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
3.	SIASATAN/ PERINTAH	<p>3.1 Pemilik berdaftar tanah yang menerima notis dalam borang 7E dikehendaki hadir ke PDT di dalam tempoh masa yang diberikan.</p> <p>3.2 Siasatan hendaklah dilakukan oleh pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN.</p> <p>3.3 Siasatan bolehlah dijalankan mengikut contoh format seperti dilampirkan di Lampiran D.</p> <p>Lampiran D – Format Siasatan</p> <p>3.4 Pegawai Siasatan hendaklah melengkapkan laporan siasatan sebelum dikemukakan kepada PTD untuk pengeluaran perintah.</p> <p>3.5 Berdasarkan kepada laporan siasatan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan, PTD hendaklah mempertimbangkan keputusan sama ada tindakan pengenaan denda patut dikenakan atau tidak.</p>	PPT/PPD	seksyen 421AA KTN
4.	KEPUTUSAN PTD	<p>4.1. Jika PTD berpuas hati dengan laporan siasatan yang dikemukakan oleh Pegawai Siasatan dan berpuas hati dengan alasan daripada pemilik berdaftar tanah (tanah telah diremedi setelah mendapat notis dalam borang 7E), tiada tindakan lanjut dikenakan ke atas pemilik berdaftar tanah. Kes dianggap selesai dan fail hendaklah ditutup.</p> <p>4.2. Sekiranya, PTD tidak berpuas hati dengan alasan daripada pemilik berdaftar tanah, PTD bolehlah mengeluarkan perintah untuk bayaran denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dikenakan kepada</p>	PTD/Pegawai Siasatan/KPPD /PPD/ Penghantar Notis/PPT/ Pembantu Penguatkuasa	


BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>pemilik tanah.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Satu tempoh munasabah hendaklah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah untuk menjelaskan bayaran perintah denda tersebut. Tempoh untuk pemilik berdaftar tanah menyelesaikan bayaran perintah denda adalah dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh perintah dikeluarkan. ii. Setelah bayaran perintah denda dijelaskan oleh pemilik berdaftar tanah, PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya siasatan semula dibuat bagi memastikan pemilik berdaftar tanah memulihkan tanahnya.(Minimum 14 hari dari tarikh bayaran perintah denda dijelaskan). iii. Sekiranya pemilik berdaftar tanah gagal atau enggan membayar bayaran perintah denda yang ditetapkan, PTD bolehlah meneruskan tindakan dibawah seksyen 128 KTN (Notis dalam Borang 7A). <p>4.3. Laporan siasatan semula hendaklah dikemukakan kepada PTD untuk arahan selanjutnya. Laporan tersebut perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari bekerja.</p> <p>4.4. Berdasarkan kepada laporan siasatan yang disediakan oleh Pegawai Siasatan, PTD hendaklah mengeluarkan arahan sama ada tindakan lanjut wajar dikenakan atau tidak.</p> <p>4.5. Jika PTD berpuas hati bahawa pemilik berdaftar tanah telah</p>		

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>mematuhi notis yang telah dikeluarkan kepadanya, PTD hendaklah mengeluarkan perintah supaya kes ditutup.</p> <p>4.6. Sekiranya PTD berpuas hati bahawa pelanggaran tersebut masih berterusan, perintah denda tambahan tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM 100.00) sehari boleh dikenakan kepada pemilik berdaftar tanah bagi setiap hari pelanggaran syarat tanah tersebut berterusan.</p> <p>4.7. KPPD/PPD yang menerima perintah tersebut hendaklah mengarahkan Penghantar Notis/PPT/Pembantu Penguatkuasa menyampaikan perintah tersebut kepada pemilik berdaftar tanah dengan kadar segera.</p> <p>4.8. Tempoh perintah denda tambahan adalah selama tiga puluh (30) hari sahaja.</p> <p>4.9. Satu tempoh munasabah hendaklah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah untuk menjelaskan bayaran perintah denda tambahan tersebut. Tempoh untuk pemilik berdaftar tanah menyelesaikan bayaran perintah adalah dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh perintah dikeluarkan.</p> <p>4.10. Setelah bayaran perintah denda tambahan dibayar oleh pemilik berdaftar tanah, PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya siasatan semula dibuat bagi memastikan pemilik berdaftar tanah telah memulihkan tanahnya.(Minimum 14 hari daripada tarikh bayaran denda dijelaskan).</p> <p>4.11. Laporan siasatan semula</p>		

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>hendaklah dikemukakan kepada PTD untuk arahan selanjutnya. Laporan tersebut perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari bekerja.</p> <p>4.12. Jika PTD berpuas hati bahawa pemilik tanah berdaftar telah mematuhi notis yang telah dikeluarkan kepadanya, PTD hendaklah mengeluarkan perintah supaya kes ditutup.</p> <p>4.13. Jika PTD selepas siasatan yang wajar, berpuas hati bahawa pelanggaran itu berterusan, PTD mengarahkan supaya menyerahkan Notis dalam Borang 7F kepada pemilik berdaftar tanah untuk memaklumkan tentang niat untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 128 atau 129 KTN selepas tamat tempoh enam (6) bulan dari tarikh penyampaian notis atau pada bila-bila masa kemudiannya.</p> <p>Lampiran E – Notis Dalam Borang 7F</p> <p>4.14. Penyampaian Notis dalam Borang 7F perlu mengikut tatacara di para 2.2.</p>		

CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 127 KTN





3.4 TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN

3.4.1. Objektif

SOP ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengeluaran notis dalam borang 7A di bawah peruntukan seksyen 128 KTN.

3.4.2. Skop

SOP ini merangkumi tatacara yang boleh digunakan oleh pegawai yang diberikan kuasa di bawah peruntukan seksyen 12 KTN dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 128 KTN.

3.4.3. Peraturan Pentadbiran

Notis-notis dalam borang 7E yang telah dikeluarkan dan dihantar kepada pemilik berdaftar tanah hendaklah dilaporkan kepada PPD untuk mendapatkan arahan selanjutnya. Tindakan seterusnya boleh diambil sekiranya denda tidak dijelaskan atau gagal meremedikan tanah yang telah melanggar syarat seperti berikut:

- a) Pengeluaran notis dalam borang 7A di bawah seksyen 128 KTN;
 - i. Jika Pentadbir Tanah berpuas hati pelanggaran syarat masih berlaku dan berterusan; dan
 - ii. Jika Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa pelanggaran syarat nyata boleh dipulihkan.
- b) Hanya pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN sahaja yang dibenarkan menandatangani notis dalam borang 7A sebelum dikeluarkan; dan
- c) Kaedah penyampaian notis dalam borang 7A hendaklah selaras dengan seksyen 431 hingga 433 KTN.

3.4. Proses Kerja


BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
1.	NOTIS DALAM BORANG 7A	<p>1.1 PTD berpuas hati bahawa pelanggaran syarat masih berlaku selepas notis dalam borang 7F diserahkan kepada pemilik berdaftar tanah.</p> <p>1.2 Sekiranya PTD berpuas hati bahawa pelanggaran syarat telah berlaku selepas siasatan awal dilakukan, PTD boleh mengarahkan notis dalam borang 7A boleh dikeluarkan tanpa proses pengeluaran notis dalam borang 7E dan 7F.</p> <p>Lampiran F – Notis Dalam Borang 7A</p> <p>1.3 Tempoh yang munasabah perlu diberikan kepada pemilik berdaftar tanah untuk memulihkan pelanggaran tersebut (Tempoh minimum adalah selama 90 hari). Telah ditetapkan di dalam KTN.</p> <p>1.4 Penyampaian notis hendaklah merujuk kepada SOP Kaedah Penyampaian Notis seperti di Lampiran C.</p>	PTD	seksyen 128 (1)(a)(b) KTN
2.	ENDORSAN DALAM HAKMILIK	<p>2.1 PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya mengendorskan suatu nota dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>2.2 PTD hendaklah meminta Pendaftar Hakmilik untuk mengendorskan nota dalam DHD yang menyatakan bahawa tanah itu adalah tertakluk kepada tindakan kerana pelanggaran syarat.</p>	PTD/ Pendaftar Hakmilik	

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		2.3 PTD hendaklah membatalkan nota yang diendors jika notis itu dipatuhi.		
3.	SIASATAN	<p>3.1 Siasatan hendaklah dilakukan oleh Penolong Pegawai Tanah.</p> <p>3.2 Siasatan bolehlah dijalankan mengikut contoh format seperti dilampirkan di Lampiran D.</p> <p>3.3 Penolong Pegawai Tanah hendaklah melengkapkan laporan tanah sebelum dikemukakan kepada PTD untuk arahan selanjutnya.</p> <p>3.4 Berdasarkan kepada laporan tanah yang disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah, PTD hendaklah mengeluarkan arahan sama ada tindakan remedi atau tidak remedi dikenakan.</p>	PPT/PPTK/ PPD/KPPD/ PTD	
4.	KEPUTUSAN PTD	<p>4.1. Jika PTD berpuas hati dengan laporan tanah yang dikemukakan oleh Penolong Pegawai Tanah bahawa tanah tersebut telah diremedi setelah mendapat notis dalam borang 7A, tiada tindakan lanjut dikenakan ke atas pemilik berdaftar tanah.</p> <p>i. PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya membatalkan endorsan notis dalam borang 7A dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>ii. PTD hendaklah meminta Pendaftar Hakmilik untuk membatalkan endorsan notis dalam borang 7A dalam DHD.</p> <p>iii. Fail hendaklah ditutup.</p> <p>4.2. Sekiranya PTD tidak berpuas hati dengan alasan daripada</p>		

Fail : (10)d/m.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		pemilik berdaftar tanah, PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya tindakan di bawah seksyen 129 KTN diteruskan.		

CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 128 KTN



3.5 TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 129 KTN

3.5.1. Objektif

SOP ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengeluaran notis dalam borang 7B di bawah peruntukan seksyen 129 KTN.

3.5.2. Skop

SOP ini merangkumi tatacara yang boleh digunakan oleh pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan tindakan di bawah seksyen 12 KTN selaras dengan undang-undang yang ada.

3.5.3. Peraturan Pentadbiran

Tindakan selanjutnya yang boleh diambil sekiranya pemilik tanah gagal meremedikan tanah yang telah melanggar syarat nyata adalah seperti berikut:

- a) Pengeluaran Notis dalam Borang 7B:
- b) Hanya pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN sahaja yang dibenarkan untuk menandatangani Notis dalam Borang 7B sebelum dikeluarkan;
- c) Kaedah penyampaian Notis dalam Borang 7B hendaklah selaras dengan peruntukan seksyen 431 KTN.

3.5.4. Proses Kerja

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
1.	NOTIS DALAM BORANG 7B	<p>1.1 PTD bolehlah mengambil tindakan di bawah seksyen 129 KTN sekiranya berpuas hati tindakan di bawah seksyen 128 KTN tidak dipatuhi.</p> <p>1.2 Sekiranya PTD hendaklah mengeluarkan notis dalam borang 7B sekiranya pemilik berdaftar tanah tidak mematuhi kehendak-kehendak notis dalam borang 7E atau notis dalam borang 7A.</p> <p>Lampiran G – Notis dalam Borang 7B</p> <p>1.3 Notis dalam borang 7B yang telah lengkap disediakan hendaklah ditandatangani oleh PTD.</p> <p>1.4 Satu salinan notis dalam borang 7B hendaklah juga diserahkan kepada mana-mana orang yang diperuntukan di dalam sub seksyen 98 (1) KTN.</p> <p>1.5 Tempoh notis dalam borang 7B hendaklah diberikan dalam satu tempoh yang munasabah (Maksimum 30 hari). Pemilik berdaftar tanah yang menerima notis dalam borang 7B dikehendaki hadir ke PDT di dalam tempoh masa yang diberikan.</p> <p>1.6 Penyampaian notis merujuk kepada SOP kaedah penyampaian notis seperti di Lampiran C.</p>	PTD/KPPD/PPD	<p>seksyen 129(1)(a)(b) KTN</p> <p>seksyen 129(2)(a) KTN</p> <p>seksyen 129(2)(b) KTN</p>
2.	Endorsan di dalam hakmilik	<p>2.1 PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya mengendorskan suatu nota dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>2.2 PTD hendaklah meminta</p>	PTD/ Pendaftar Hakmilik	seksyen 129(3) KTN


BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		Pendaftar Hakmilik untuk mengendorskan nota dalam DHD yang menyatakan bahawa tanah itu adalah tertakluk kepada tindakan kerana pelanggaran syarat.		
3.	Siasatan	<p>3.1. PTD hendaklah menjalankan siasatan pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan di dalam notis dalam Borang 7B.</p> <p>3.2. Siasatan hendaklah dijalankan selaras dengan Bahagian Dua Pentadbiran Bab 4 KTN.</p> <p>3.3. Setelah selesai siasatan, PTD hendaklah mencatatkan perintah di atas helaian kertas minit yang dikandungkan di dalam fail berkenaan.</p>	<p>PTD/KPPD/ PPD/PPT/ Pegawai Siasatan</p>	<p>seksyen 129(4) KTN</p> <p>seksyen 23 – 39 KTN</p>
4.	KEPUTUSAN PTD	<p>4.1. Jika PTD berpuas hati dengan siasatan (notis dalam borang 7B) bahawa tanah tersebut telah diremedi, maka tiada tindakan lanjut dikenakan ke atas pemilik tanah berdaftar.</p> <p>i. PTD hendaklah mengeluarkan perintah di atas kertas minit supaya membatalkan endorsan Notis dalam Borang 7B dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>ii. PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya membatalkan endorsan notis dalam borang 7B dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>iii. PTD hendaklah meminta Pendaftar Hakmilik untuk membatalkan endorsan notis dalam borang 7B</p>	<p>PTD/ Pendaftar HakMilik/PPT/ PBN/KPPD/ PPD/PPTK</p>	

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>dalam DHD.</p> <p>iv. Fail hendaklah ditutup.</p> <p>4.2. Jika pemilik berdaftar tanah tersebut telah mematuhi segala perintah yang dikeluarkan namun gagal meremedikan pelanggaran tersebut mengikut masa yang ditetapkan, maka PTD bolehlah melanjutkan tempoh masa yang munasabah kepada pemilik berdaftar tanah;</p> <p>i. PTD boleh memberi lanjutan tempoh remedi dalam tempoh masa yang munasabah (Maksimum 90 hari).</p> <p>ii. PTD mengarahkan Penolong Pegawai Tanah menjalankan siasatan semula.</p> <p>iii. Jika PTD berpuas hati dengan laporan tanah yang dikemukakan oleh Penolong Pegawai Tanah bahawa tanah tersebut telah diremedi, maka tiada tindakan lanjut dikenakan ke atas pemilik berdaftar tanah.</p> <p>iv. PTD hendaklah mengeluarkan arahan supaya membatalkan endorsan notis dalam borang 7B dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD).</p> <p>v. PTD hendaklah meminta Pendaftar Hakmilik untuk membatalkan endorsan notis dalam borang 7B dalam DHD.</p> <p>vi. Fail hendaklah ditutup.</p> <p>vii. Sekiranya PTD tidak berpuas hati dengan alasan daripada pemilik berdaftar tanah, PTD hendaklah</p>		

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>mengeluarkan perintah perampasan tanah diteruskan.</p> <p>4.3. Jika ada arahan/tiada arahan oleh PBN, PTD boleh mengeluarkan perintah mengambil milik sementara tanah itu untuk diremedi; atau membuat suatu perintah untuk pelucuthakan.</p> <p>i. PBN boleh meremеди pelanggaran syarat dengan kos yang ditanggung oleh PBN atau mana-mana orang atau badan yang dilantik mengeluarkan perbelanjaan sendiri.</p> <p>ii. Setelah selesai melaksanakan remedi, PBN boleh mengembalikan semula tanah tersebut kepada pemilik berdaftar tanah dengan syarat pemilik berdaftar tanah membayar kesemua jumlah kos yang dikeluarkan untuk melaksanakan remedi itu, sama ada bayaran secara sekaligus atau ansuran.</p> <p>iii. Jika PTD berpuas hati pemilik berdaftar tanah telah menjelaskan semua kos-kos remedi, PTD hendaklah mengeluarkan perintah supaya membatalkan endorsan notis dalam borang 7A dan notis dalam borang 7B.</p> <p>iv. Fail perlu ditutup.</p> <p>v. Jika pemilik berdaftar tanah gagal menjelaskan bayaran kos remedi, PTD akan melaporkan kepada PBN. PBN setelah</p>		

BIL	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>berpuas hati, boleh mengeluarkan perintah untuk perampasan.</p> <p>4.4. Dengan seberapa segera yang boleh selepas dibuat suatu perintah di bawah seksyen 129 KTN mengenai mana-mana perampasan tanah, PTD hendaklah menyiarkan di dalam warta satu pemberitahuan mengenai perlucuthakan di dalam borang 8A.</p> <p>Lampiran H – Notis Dalam Borang 8A</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Notis yang diwartakan hendaklah disiarkan selaras dengan seksyen 433 KTN. ii. Notis tersebut hendaklah ditampal di atas tanah itu dan Mahkamah, Masjid atau balai penghulu atau balai raya atau dewan orang ramai atau tempat awam yang sesuai pada pendapat Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah dalam kawasan di mana tanah itu terletak. iii. PTD dengan seberapa segera hendaklah mendaftarkan satu memorial dalam DHD. (Dicadangkan dalam tempoh tujuh (7) hari atau apa-apa tempoh yang difikirkan wajar oleh PTD) 		<p>seksyen 433 KTN</p>

**CARTA ALIR TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH
SEKSYEN 129 DAN 130 KTN**



LAPORAN PENOLONG PEGAWAI TANAH

Bil.

(PELANGGARAN SYARAT TANAH DI BAWAH SEKSYEN 127 - 129 KTN 1965)

BAHAGIAN A			
NO. FAIL :			
I. LAPORAN TANAH			
(a) No.PT/ Lot :		(b) No Hakmilik:	
(c) Mukim / Pekan / Bandar :		(d) Luas : hektar / ekar / meter persegi	
(e) No. Syit Piawaian :			
II. PERIHAL TANAH			
(a) Tanah yang dimaksudkan seperti bertanda 'merah' dalam pelan dilampiran () adalah :			
(b) Jenis Tanah		Tanah Desa	Tanah Pekan
		Tanah Bandar	Tanah Tepi Pantai
III. KEDUDUKAN TANAH			
a. Lokasi Tanah			
b. Koordinat			
c. Kemasukan Dalam Perizapan Undang-Undang Bertulis Yang Lain			
RIZAB MELAYU		WKN No.	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		WKN No.	
LAIN-LAIN PERIZAPAN		WKN No.	
BAHAGIAN B			
IV. KEADAAN FIZIKAL TANAH YANG DIPOHON			
a. Keadaan semasa tanah			
<i>sila nyatakan :</i>			

b. Kemudahan asas yang diperolehi :		Bekalan Air	
		Bekalan Elektrik	
		Telekomunikasi	
V. KEADAAN SEMASA ATAS TANAH YANG DIPOHON			
(i) Tempoh diusahakan:			
1.	Bilangan Bangunan		
2.	Kegunaan Bangunan		
3.	Ukuran (meter)		
4.	Keadaan Bangunan		
5.	Kemudahan asas yang diperolehi		
6.	Tahun dibina		
7.	Jenis Bangunan	*Sementara / Separuh Kekal / Kekal	
VI. PERIHAL TANAH SEKELILING			
a. Maklumat atas tanah bersebelahan yang merujuk kepada arah :			
Arah	No.Lot / PT	Tanah Kerajaan / Milik (No. Hakmilik)	Aktiviti Atas Tanah
UTARA			
SELATAN			
TIMUR			
BARAT			
b. Nyatakan keadaan tanah yang bersekitar dengan tanah yang dipohon :			

(PENOLONG PEGAWAI TANAH)

Tarikh :

**Nota: Sertakan Salinan Carian Rasmi dan Hakmilik*

PELAN TAPAK

GAMBAR BANGUNAN

Kanun Tanah Negara

Borang 7E
(Seksyen 127(1A)(a))

**PELANGGARAN SYARAT:
NOTIS SUPAYA MENUNJUKKAN SEBAB MENGENAI PENGENAAN DENDA**

Kepada..... yang beralamat
di.....
..... tuanpunya tanah yang
dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya, yang bertandatangan di bawah ini, adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul, iaitu:-

.....
.....
.....

Disini
terangkan
syarat yang
dilanggar

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan (a) subseksyen (1A) seksyen 127 Kanun Tanah Negara, saya dengan ini meminta supaya kamu hadir di hadapan saya pada.....haribulan.....20..... pada pukul.....di..... untuk menunjukkan sebab mengapa denda tidak patut dikenakan terhadap kamu berkenaan dengan pelanggaran yang disebut di atas.

Bertarikh pada.....haribulan....., 20.....

Pentadbir Tanah.....

Daerah

JADUAL TANAH DAN SYARAT

*Bandar/Pekan/Mukim..... No. *Lot/P.T.....

Perihal dan No.Hakmilik..... Luas.....


Syarat Yang Dilanggar.....


.....
.....


*potong sebagaimana yang sesuai

Rujuk SOP Kaedah Penyampaian Notis

**SOP KAEDAH PENYAMPAIAN NOTIS MENGIKUT SEKSYEN
431, 432 DAN 433 KTN
PENERIMA DAPAT DIKESAN DAN SETUJU**











- *PT - PENTADBIR TANAH
- *PT/PO - PEMBANTU TADBIR / PERKERANIAN OPERASI
- *PN - PENGHANTAR NOTIS

**SOP KAEDAH PENYAMPAIAN NOTIS MENGIKUT SEKSYEN
431, 432 DAN 433 KTN
PENAMA TIDAK DAPAT DIKESAN**









***Surat Akuan**


- Setiap Surat Akuan yang dibuat perlu memperolehi perintah dari PT dan diminitkan di dalam fail berkaitan.

***PT - PENTADBIR TANAH**


***PT/PO - PEMBANTU TADBIR / PERKERANIAN OPERASI**


***PN - PENGHANTAR NOTIS**

**SOP KAEDAH PENYAMPAIAN NOTIS MENGIKUT SEKSYEN
431, 432 DAN 433 KTN
PENAMA ENGGAN TERIMA**









***Surat Akuan**


- Setiap Surat Akuan yang dibuat perlu memperolehi perintah dari PT dan diminitkan didalam fail berkaitan.


***PT - PENTADBIR TANAH**


***PT/PO - PEMBANTU TADBIR / PERKERANIAN OPERASI**

***PN - PENGHANTAR NOTIS**

**SOP KAEDAH PENYAMPAIAN NOTIS MENGIKUT SEKSYEN
431A KTN
PENAMA MENINGGAL DUNIA**







***Surat Akuan**

- Setiap Surat Akuan yang dibuat perlu memperolehi perintah dari PT dan diminitkan di dalam fail berkaitan.

***PT - PENTADBIR TANAH**

***PT/PO - PEMBANTU TADBIR / PERKERANIAN OPERASI**

***PN - PENGHANTAR NOTIS**

SENARAI KEHADIRAN SIASATAN / PERBICARAAN

NO. LOT : NO. HAKMILIK :
TARIKH : MASA :
NO. FAIL : TEMPAT :

BIL.	NAMA / NO. KAD PENGENALAN	JENIS KEPENTINGAN	ALAMAT PENUH	NO. TELEFON/ NO HP	NO. AKAUN, NAMA & ALAMAT BANK	TANDATANGAN
1.						
2.						
3.						

CONTOH NOTA PERBICARAAN

PELANGGARAN SYARAT TANAH DIBAWAH SEKSYEN 127(1A)a

KANUN TANAH NEGARA, 1965

1. No. Kes :
2. Perbicaraan/siasatan :
3. Tarikh :
4. No. Fail :
5. Perbicaraan/siasatan pelanggaran syarat tanah di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara, 1965 diadakan di hadapan saya, sebagai Pentadbir Tanah Daerah....., di Bilik pada masa
6. Notis dalam Borang 7E di bawah Seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 telah diserahkan kepada tuan punya tanah/wakilnya pada.....
7. Tarikh penampalan Notis di bawah Seksyen 52 :
 - a) di papan kenyataan Pejabat Daerah pada :
 - b) di papan kenyataan awam di pada :
 - c) di atas/berhampiran dengan tanah pada :

8. Butir-butir tanah;
- a) No. lot :
 - b) No. hakmilik :
 - c) Mukim :
 - d) Daerah :
 - e) Luas lot :
 - f) Luas diambil :
 - g) Pemilik berdaftar tanah :
 - h) Syarat nyata :
 - i) Sekatan kepentingan :
 - j) Tanggungan :
 - k) Didalam/diluar kawasan rizab Melayu :
 - l) Samada pengambilan menyebabkan pembatalan status Melayu :
 - m) Didalam/diluar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan :
 - n) Tertakluk/tidak tertakluk kepada pelan pembangunan :
 - o) Jika tertakluk kepada pelan pembangunan, jenis kegunaan tanah seperti yang dinyatakan dalam pelan pembangunan :
 - p) Di mana letaknya tanah ini, berapa jauh dengan jalan dan pekan/bandar yang berhampiran :
 - q) Keadaan tanah (rata, paya dan berbukit) :

Fail : (10)dIm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

9. Kehadiran:

Bil.	Nama	No. kad pengenalan	Alamat	Jenis kepentingan
------	------	--------------------	--------	-------------------

10. Tidak hadir :

Bil.	Nama	No. kad pengenalan	Alamat	Jenis kepentingan
------	------	--------------------	--------	-------------------

11. Turut hadir:

Bil.	Nama	No. kad pengenalan	Alamat	Jenis kepentingan
------	------	--------------------	--------	-------------------

(semua yang hadir telah mengangkat sumpah di Pentadbir Tanah sebelum memberi keterangan/maklumat yang benar di sepanjang perbicaraan ini)

12. Kenyataan perbicaraan:

Fail : (10)dIm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

- a) Bila tuan tanah memiliki tanah ini, cara memilikinya dan jika dibeli berapa harganya?
- b) Apakah jenis bangunan yang ada di atas tanah ini?
- c) Adakah bangunan ini diusahakan sendiri atau disewakan. Jika disewakan, berapa jumlah sewaan sebulan.
- d) Siapa membina bangunan ini?
- e) Tahun bila ia dibina?
- f) Jumlah kos pembinaan
- g) Kemudahan asas yang diperolehi dibangunan ini.
- h) Jenis perusahaan yang dilakukan dibangunan ini serta produk yang dihasilkan.
- i) Dimana pasaran produk yang dihasilkan.
- j) Jumlah pekerja.
Pekerja tempatan:.....orang
Pekerja asing:orang
- k) Pernahkah memohon untuk tukar syarat dan pecah sempadan? Jika ada, bila dan bagaimana kedudukannya sekarang?
- l) Adakah apa-apa bebanan di atas tanah ini seperti gadaian, pajakan atau telah dibuat perjanjian jualbeli dengan mana-mana pihak?

Fail : (10)dIm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.5

m) Keterangan orang yang berkepentingan:

i) Tuan empunya

ii) Penduduk, penyewa dan pemajak;

iii) Pemegang gadaian, pemasuk kaveat, pemegang lien;

iv) Lain-lain (nyatakan kepentingannya)

n) Bantahan (jika ada)

o) Akujanji pemohon (jika berkaitan)

13. Hal-hal lain:

14. Penangguhan perbicaraan (jika berkaitan)

15. Sebab-sebab penangguhan;

a)

b)

16. Ulang bicara;

i) Tarikh dan masa

.....

ii) Tempat

.....

17. Ulasan Pentadbir Tanah

18. Perintah:

Saya berpuas hati dengan keterangan yang diberi.

Berdasarkan kepada laporan tanah dan keterangan yang diberikan serta dokumen-dokumen yang berkaitan, didapati pemilik berdaftar tanah gagal menunjukkan sebab yang munasabah mengapa tindakan dibawah seksyentidak boleh diambil. Dengan ini, saya perintahkan bayaran denda sebanyak RM.....

Tarikh :

.....

Pentadbir Tanah

Kanun Tanah Negara

Borang 7F
(Seksyen 127(1c))

**PELANGGARAN SYARAT YANG BERTERUSAN:
NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MEMPASTIKAN REMEDI PELANGGARAN ATAU
MENGUATKUASAKAN PELUCUTHAKAN TANAH**

Kepada..... yang beralamat
di.....
..... tuannya tanah yang
dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya, yang bertandatangan di bawah ini, adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul, iaitu:-

.....
.....
.....

Disini
terangkan
syarat yang
dilanggar

Dan bahawasanya saya, selepas siasatan yang wajar, adalah berpuas hati bahawa pelanggaran syarat yang disebut di atas berterusan:

Dan bahawasanya saya, selepas satu notis dalam Borang 7E bertarikh.....haribulan.....20..... telah, pada.....haribulan.....20..... mengenakan pada kamu denda sebanyak.....ringgit berkenaan dengan pelanggaran yang disebut di atas dan, dalam hal pelanggaran tersebut berterusan, denda tambahan sebanyak.....ringgit bagi setiap hari semasa pelanggaran itu berterusan:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1c) seksyen 127 Kanun Tanah Negara, saya dengan ini memaklumkan kepada kamu akan tujuan saya untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 128 untuk memastikan remedi untuk pelanggaran syarat yang disebut di atas atau di bawah seksyen 129 untuk menguatkuasakan perlucuthakan tanah yang dijadualkan di bawah ini, apabila tamatnya tempoh enam bulak dari tarikh penyampaian notis ini, atau pada bila-bila masa kemudiannya.

Bertarikh pada.....haribulan....., 20.....

Pentadbir Tanah.....

Daerah

JADUAL TANAH DAN SYARAT

*Bandar/Pekan/Mukim..... No. *Lot/P.T.....
Perihal dan No.Hakmilik..... Luas.....
Syarat Yang Dilanggar.....
.....
.....

*potong sebagaimana yang sesuai

Borang 7A
(Seksyen 128)
NOTIS UNTUK MEMULIHKAN PELANGGARAN SYARAT

Kepada..... yang beralamat
di.....
..... tuanpunya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya yang bertandatangan di bawah ini adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul iaitu: Tanah hakmilik: Syarat Guna Tanah ialah Pertanian Namun Dijadikan Tanpa Kebenaran Oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Maka, oleh yang demikian pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 128 Kanun Tanah Negara, saya dengan ini mengkehendaki kamu dalam tempoh.....90...hari dari tarikh penyiaran notis ini supaya mengambil tindakan berikut untuk memulihkan pelanggaran tersebut-

- 1) Memulihkan tanah mengikut syarat nyata tanah yang telah didaftarkan

Bertarikh pada.....haribulan....., 20.....

Pentadbir Tanah.....
Daerah

JADUAL TANAH DAN SYARAT

*Bandar/Pekan/Mukim..... No. *Lot/P.T.....

Perihal dan No.Hakmilik..... Luas.....

Syarat Yang Dilanggar.....

.....

.....

*potong sebagaimana yang sesuai

Kanun Tanah Negara

Borang 7B
(Seksyen 129)

PELANGGARAN SYARAT: NOTIS SUPAYA MENUNJUKKAN SEBAB

Kepada..... yang beralamat
di.....
.....
tuanpunya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya yang bertandatangan di bawah ini adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul iaitu:-

.....
.....
.....
Disini terangkan syarat yang dilanggar

Dan bahawasanya-

*(a) Saya berpendapat bahawa pengambilan tindakan di bawah seksyen 128 Kanun Tanah Negara tidaklah wajar.

*(b) Kamu telah gagal mematuhi notis yang disampaikan kepada kamu di bawah seksyen 128 Kanun Tanah Negara yang menghendaki kamu memulihkan syarat yang dilanggar itu.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 129 Kanun Tanah Negara, saya dengan ini mengkehendaki kamu hadir di hadapan saya padaharibulan.....20..... pada pukul..... di..... supaya menunjukkan sebab mengapa saya tidak sepatutnya mengistiharkan serta-merta tanah itu dilucuthak kepada Kerajaan.

Bertarikh pada.....haribulan.....,20.....

Pentadbir Tanah.....
Daerah

JADUAL TANAH DAN SYARAT

*Bandar/Pekan/Mukim..... No. *Lot/P.T.....
Perihal dan No.Hakmilik..... Luas.....
Syarat Yang Dilanggar.....

.....
.....

TAMBAHAN

Kepada..... yang beralamat di

.....

*Pemegang gadaian/Pemajak/Pemajak Kecil/Tenan/Pemegang lien/Kaveatot/Pemegang esmen.

Ambil perhatian bahawa jika kamu hendak membuat apa-apa cadangan yang boleh memulihkan syarat yang dilanggar yang disebut di atas, maka kamu hendaklah hadir pada waktu dan di tempat yang dinyatakan bagi menunjukkan sebab mengapa tanah itu tidak diistiharkan dilucuhak.

Bertarikh pada.....haribulan.....,20.....

Pentadbir Tanah.....

Daerah

*potong sebagaimana yang sesuai

Kanun Tanah Negara

Borang 8A
(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen *100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijudualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diistiharkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutanhakan tersebut telah berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri-

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Bertarikh pada.....haribulan.....,20.....

Pentadbir Tanah.....

Daerah

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

*Bandar/Pekan atau Mukim	No. *Lot/P.T	Luas	Perihal dan No. Hakmilik

*potong sebagaimana yang sesuai.

		<p>Borang 7A kepada pemilik berdaftar tanah.</p> <p>2.3 Notis dalam Borang 7A hendaklah diserahkan oleh Penghantar Notis/PPT/Pembantu Penguatkuasa kepada pemilik berdaftar tanah. Bukti penyampaian notis perlu dikemukakan sebagai bukti penyampaian.</p> <p>2.4 PTD hendaklah mengendorskan suatu nota dalam Dokumen Hakmilik Daftaran (DHD). PTD hendaklah meminta Pendaftar Hakmilik untuk mengendorskan nota dalam DHD yang menyatakan bahawa tanah itu adalah tertakluk kepada tindakan kerana pelanggaran syarat.</p> <p>2.5 PTD hendaklah membatalkan nota yang diendors jika notis itu dipatuhi.</p> <p>2.6 Jika notis tersebut tidak dipatuhi maka PTD hendaklah mengambil tindakan selanjutnya di bawah peruntukan seksyen 129 KTN.</p>		<p>Seksyen 431-433 KTN</p> <p>Seksyen 128 (3)(a) KTN</p> <p>Seksyen 128 (3)(b) KTN</p>
--	--	---	--	---